

Pilih Harapan untuk perubahan

**Calon terbaik
sudah diletakkan
di Kuala Langat**

NURUL FIRDAUS KHAIRO

KUALA LANGAT

Ketiga-tiga calon baharu Pakatan Harapan (Harapan) yang diputuskan bertanding di kerusi Parlimen Kuala Langat dan dua kerusi Dun, iaitu Sijangkang dan Banting sudah diteliti awal kemampuan mereka untuk membawa suara rakyat di sini.

Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata demikian menyangkal tanggapan se-



Mohamed Azmin hadir memberi galakan kepada penyokong Harapan untuk mempertahankan semua kerusi di Parlimen Kuala Langat.

setengah rakyat yang menolak calon berkenaan.

Ujarnya, hanya dua parti dilihati serius di daerah itu yang perlu dipilih oleh rakyat

iaitu BN dan Harapan, selainnya biasa sahaja.

"Jadi, jika mahu perubahan pilih Harapan. Saya tak marah dengan anggota Pas,

anggota Umno, yang saya marah hanya ketua-ketua kamu yang menjadi pengkhianat."

Azmin

"Jangan kita undi kerana

**Saya tak marah dengan
anggota Pas, anggota Umno,
yang saya marah hanya ketua-ketua
kamu yang jadi pengkhianat." - Azmin**

kawan, sebab kalau kita pilih atas dasar kawan belum tentu dia boleh bentuk kerajaan," katanya dalam Program Jelajah Kasih Menteri Besar di Tapak Pasar Taman Perwira, Sijangkang.

Mohamed Azmin berkata, pengundi perlu memilih calon yang boleh memang dan membentuk kerajaan supaya suara mereka dapat dijadikan.

"Jadi pilihlah calon baharu di Sijangkang, Hamidi Abu Bakar, Morib Hasnul Baharuddin, Banting, Lau Weng San dan Parlimen, Dr Xavier Jayakumar.

"Saya mohon Kuala Lan-

gat kekal parti Harapan dan mohon jentera beri maklumat awal kepada pengundi untuk keluar di awal.

"Maklum kepada mereka di mana tempat mereka mengundi," katanya sambil menyifatkan gabungan itu menolak politik fitnah.



Kena muhasabah, lihat apa kemajuan yang dah dibawa

MORIB - Bagaikan seorang ibu menasihati anak-anaknya untuk muhasabah diri dan melihat kemajuan sepanjang 10 tahun kebelakangan ini sekiranya ingin Morib terus ditadbir di bawah Pakatan Harapan (Harapan).

Ibu yang dilakukan calon BN bagi Dun Morib, Rozana Kamarulzaman yang menyantuni pengundi di sini, semalam.

Menurut Rozana, beliau tidak mahu memburuk-burukkan parti lawan tetapi bersaing secara sihat untuk memenangi kerusi Dun itu.

"Bila saya ditemani bekas Adun Morib, Hasiman Sidom dalam kompen hari ini, saya lebih bersemangat untuk menerima pandangan bagaimana berjumpa dengan pengundi, bagaimana menggerakkan jentera turun padang."

"Bagi saya beliau (Hasiman) antara wakil rakyat terdahulu yang banyak mengubah pembangunan di Morib termasuk mantan wakil rakyat yang lain. Jadi saya yakni rakyat nampak perbezaan yang ada," katanya kepada pemberita dalam Ziarah Kasih bersama isteri Menteri

menangi kerusi itu termasuklah meningkatkan hub pendidikan, meningkatkan pembangunan ke arah menjana ekonomi peniaga, membangunkan industri pelancongan dan sukan untuk anak muda, prihatin terhadap kebijakan rakyat dan memperkasakan golongan wanita.

Mengulas mengenai nasihat yang turut diterima daripada bekas Ketua Wanita Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Paduka Fatimah Suhaimi, beliau berseuju supaya tidak memburukkan parti lawan dan menganggap wanita itu sebagai ikon kerana pernah menjadi wakil rakyat di Dun Banting.



BANTING
Sekitar sesi walkabout
calon BN bagi
Parlimen Kuala
Langat, Shahril
Hamdan di
Pasar Awam
Banting,
semalam.



KLIK SUARA PANDANGAN

Peniaga turut menyuarakan pandangan mereka berkenaan usaha meningkatkan infrastruktur pasar.



Rozana bersama Nori (dua kanan) dan Latisha (kanan) sempat menziarahi Zainon Pardi, 56, dalam program Ziarah Kasih, semalam.

Beliau dan Sukan, Nori Tun Abdullah di Dun Morib.

Hadir sama, isteri kepada calon BN Parlimen Kuala Langat, Latisha Udan.

Rozana yang merupakan Ketua Wanita Umno Bahagian Kuala Langat berkata, walau pun belum pernah bertanding, ia bukan satu masalah untuk menang.

"Kita pun ada cara kita untuk menawan hati rakyat. Saya pun sudah menjalankan gerak juma orang dan macam wakil rakyat juga."

"La menjadikan saya lebih pengalaman untuk dekat yang lain," katanya.

Beliau turut menyuarakan lima agenda yang bakal dipertaruhkan sekiranya me-

Sokong tingkat prasarana sukan

KUALA LANGAT - Persatuan MAYC Kuala Langat berhasrat mempelbagaikan aktiviti sukan di peringkat daerah bagi menarik golongan muda.

Pengerusinya, Yazid Buang berkata, beliau turut menyokong usaha mana-mana pihak yang mahu meningkatkan prasarana sukan di daerah ini sebagai galakan aktiviti sukan dapat dijalankan setiap masa.

"Saya lihat anak muda di sini memang aktif bersukan malah pelbagai aktiviti sukan termasuk bola sepak antara sukan kegemaran anak muda.

"Jadi penganguran pertandingan sukan di sini memang dialu-alukan selain mendapat kerjasama Pejabat Belia dan Sukan di Daerah Kuala Langat," katanya mengulas mengenai Pertandingan Bola Sepak 9 Sebelah (Jempitan) Plala.Pengerusi JPP Zon 10 anjuran Pemuda BN Pusat Daerah Mengundi Sri Putra dan Biro Belia dan Sukan Jawatankuasa Persatuan Penduduk Zon 10 bersama MAYC Kuala Langat.

Program dirasmikan oleh Exco Pemuda Urnu Malaysia merangkup Pengerusi Ikhtibar Parlimen Kuala Langat, Shahril Hamdan.

Hadir sama Pengerusi Belia Daerah Kuala Langat, Hafez Shuriddim dan bekas Pengerusi MAYC Kuala Langat, Rozana Kamarulzaman.

Katanya, beliau yakin pelbagai badan sukarela termasuk majlis be-

la daerah mahu aktiviti sukan diper-

banyakkan di kawasan itu.

Saya lihat anak muda di sini memang aktif bersukan malah pelbagai aktiviti sukan termasuk bola sepak antara sukan kegemaran anak muda. - Yazid

Kamarulzaman.

Katanya, beliau yakin pelbagai badan sukarela termasuk majlis be-la daerah mahu aktiviti sukan diper-

banyakkan di kawasan itu.

Rakam gambar kenangan bersama-sama.



Sebahagian pemain bola sepak menunjukkan isyarat bagus bergambar bersama tetamu yang hadir.

